

Info Cukai

Waspada Perangkap Penipuan!

Oleh: HASIL

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia antara 20 buah negara teratas dalam teknologi kecerdasan buatan (AI), kes penipuan juga berkembang pesat dan menjadi semakin canggih hingga sukar dikesan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) tidak terkecuali dikaitkan dengan sindiket penipuan tersebut hingga menyebabkan orang ramai keliru dan tertipu. Sindiket penipuan ini menggunakan kaedah teknologi terkini bagi memperdaya mangsa dengan pelbagai modus operandi. Walaupun banyak tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa dan disiarkan di media massa, namun kes penipuan tetap berlaku dan angka kes meningkat saban tahun.

Bagaimanakah penipuan ini berlaku dan apakah tindakan yang boleh dilakukan sekiranya perkara ini terjadi?
Terdapat beberapa modus operandi yang sering dilakukan oleh sindiket ini bagi memperdaya mangsa seperti yang berikut:

- 1. Kes Tunggakan Cukai/Pelarian Cukai**
 - Mangsa menerima mesej, panggilan telefon, surat atau e-mel daripada sindiket memaklumkan bahawa terdapat tunggakan cukai yang masih belum dijelaskan. Mangsa dikehendaki menjelaskan tunggakan cukai tersebut dengan membuat pindahan wang ke akaun bank bukan milik HASIL.
 - Mangsa dihubungi sindiket yang menyamar sebagai pegawai HASIL atau pegawai polis memaklumkan bahawa mangsa mempunyai baki cukai tertunggak dan mengarahkan mangsa untuk memuat turun aplikasi palsu daripada Bank Negara Malaysia (BNM) atau berkongsi maklumat peribadi perbankan di laman web palsu kononnya milik BNM bagi tujuan siasatan.
- 2. Pelarian Cukai, Kegiatan Jenayah dan Pengubahan Wang Haram**
 - Mangsa dihubungi kononnya terlibat dengan pelarian cukai, jenayah dan pengubahan wang haram. Sehubungan dengan itu, akaun bank milik mangsa akan disekat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/FP/PUAA). Panggilan mangsa kemudiannya akan disambungkan kepada "pegawai polis" atau "pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)" atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap kes mangsa bertujuan untuk menimbulkan perasaan panik. Bagi mengelakkan semua wang dalam akaun milik mangsa dibekukan, mangsa telah diarahkan untuk memindahkan wang tersebut ke akaun bank pihak ketiga yang kononnya akan dipindahkan semula ke akaun milik mangsa apabila "kes jenayah" mangsa telah selesai.

58 BIL. 11/2024 - DEWAN EKONOMI

3. Lawatan Pungutan/Audit/Siasatan Cukai

- Mangsa menerima kunjungan daripada "pegawai HASiL" kononnya untuk memungut cukai atau melakukan audit dan siasatan cukai. Sindiket akan meminta dokumen pendapatan atau perniagaan mangsa dan memaklumkan bahawa kononnya mangsa telah tersalah lapor cukai pendapatan. Mangsa kemudian diarahkan untuk membuat pembayaran "baki cukai tambahan" yang ditaksirkan ke dalam akaun bukan milik HASiL.

4. Keuntungan Penjualan Saham

- Mangsa menerima surat atau e-mel memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan aktiviti perdagangan saham dengan satu daripada syarikat pelaburan dan dikehendaki membuat bayaran tunggakan cukai berdasarkan arahan yang diberikan oleh sindiket penipuan.

5. Bayaran Balik Cukai Terlebih Bayar

- Mangsa menerima e-mel memaklumkan bahawa mangsa mempunyai cukai terlebih bayar yang akan dipulangkan semula oleh HASiL. Mangsa diminta untuk klik pada pautan yang disediakan dalam e-mel palsu tersebut dan arahan akan diberikan agar mangsa mendedahkan butiran akaun bank termasuklah kata laluan perbankan Internet mangsa kononnya bagi membolehkan transaksi bayaran balik lebih cukai dapat dibuat oleh HASiL.

Beberapa siri hebahan peringatan kepada orang ramai telah dikeluarkan oleh HASiL menerusi kenyataan media, video kesedaran cukai dan infografik berkaitan dengan sindiket penipuan dari semasa ke semasa. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar membuat semakan maklumat berkaitan dengan percukaian menerusi saluran yang sah, iaitu:

1. Portal rasmi HASiL melalui pautan www.hasil.gov.my;
2. Portal MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my>;
3. Pusat Hubungan HASiL (HCC) melalui talian 03- 8911 1000; dan
4. Berkunjung ke pejabat HASiL berhampiran.

HASiL ingin menasihati orang ramai agar sentiasa peka dan ambil peduli dengan perkara yang berikut bagi mengelakkan diri daripada perangkap penipuan:

1. Jangan dedah butiran perbankan terutamanya kata laluan perbankan dalam talian;
2. Jangan klik pada pautan yang diterima melalui e-mel yang meragukan;
3. Pastikan bayaran cukai hanya dibuat ke akaun HASiL dan jangan sesekali membuat bayaran cukai atau memindahkan wang ke akaun pihak ketiga yang mungkin digunakan sebagai Keldai Akaun;
4. Jangan muat turun sebarang aplikasi yang diminta oleh pemanggil yang tidak dikenali;
5. Jangan membuat panggilan semula kepada nombor telefon yang tidak dikenali. Semak nombor telefon HASiL melalui portal rasmi HASiL;
6. Semak Rangka Kerja Pungutan Cukai, Rangka Kerja Audit Cukai dan Rangka Kerja Siasatan Cukai dalam portal rasmi HASiL melalui pautan www.hasil.gov.my > Perundangan untuk mengesahkan prosedur sah aktiviti pungutan, audit dan siasatan cukai HASiL; dan
7. Pastikan e-mel rasmi HASiL menggunakan domain @hasil.gov.my.

HASiL turut mengalu-alukan kerjasama daripada orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan dengan aktiviti penipuan atau membuat laporan kepada pihak berkuasa agar tindakan pantas dapat diambil bagi membanteras perkara ini. Sebagai maklumat tambahan, HASiL tenkat dengan peruntukan kerahsiaan maklumat percukaian di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dengan setiap maklumat peribadi pembayar cukai tidak akan dihebahkan kepada pihak ketiga dengan sewenang-wenangnya.

Maklumat berkaitan dengan aktiviti penipuan boleh diakses menerusi capaian pantas <https://www.hasil.gov.my/peringatan-penipuan/>.